



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

# **KENYATAAN MEDIA**

**BIL. 32 / 2019**

## **SPR SAMBUT BAIK SYARAT BAHARU TUKAR ALAMAT PADA KAD PENGENALAN**

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) menyambut baik pengumuman oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Mohd Azis bin Haji Jamman bahawa bermula 2 Mei 2019, semua permohonan pertukaran butiran alamat pada kad pengenalan perlu disertakan dokumen sokongan seperti bil elektrik, bil pembentungan, bil utiliti, cukai pintu, perjanjian jual beli rumah, perjanjian atau resit sewa rumah atau lain-lain dokumen bagi membuktikan pemohon telah menetap di alamat baharu tersebut.
2. SPR berpendapat bahawa langkah tersebut amatlah wajar dan akan membantu usaha SPR untuk memastikan bahawa alamat seseorang pendaftar yang digunakan oleh beliau di dalam daftar pemilih merupakan alamat yang benar. Ianya juga akan membantu membanteras apa-apa tindakan oleh mana-mana pihak yang tidak bertanggungjawab untuk mendaftar pemilih di sesebuah kawasan ataupun memindahkan pengundi ke mana-mana kawasan dengan menggunakan alamat palsu ataupun alamat kediaman pihak ketiga.
3. Langkah tersebut, dengan secara langsung, akan dapat membantu SPR mewujudkan daftar pemilih yang lebih tepat, berintergriti dan diyakini khususnya dalam isu kesahihan alamat yang digunakan sebagai alamat maustatin.
4. SPR menyambut baik dan amat berterima kasih kepada pihak Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) mengenai langkah yang diambil tersebut.

Sekian, terima kasih.

**AZHAR AZIZAN HARUN**

Pengerusi

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR)

Tarikh : 24 Mac 2019 / 17 Rejab 1440H